

14/10/1999

Pelbagai pihak sambut baik permintaan PM

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemimpin politik, pertubuhan perniagaan dan pemimpin masyarakat Cina memberi reaksi positif terhadap permintaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya masyarakat Cina sekali lagi berganding bahu dengan kerajaan untuk membantu menyusun semula perniagaan Bumiputera yang terjejas kerana kegawatan ekonomi, baru-baru ini.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata beliau mengalu-alukan permintaan Dr Mahathir kerana rakyat Malaysia perlu saling bantu membantu untuk kemajuan negara, tidak kira pada waktu susah atau senang.

Katanya, rahsia negara dapat mengekalkan keadaan stabil, hidup harmoni dan bersatu padu selama ini ialah kesanggupan masyarakatnya berkongsi dan bertolak ansur ketika susah dan senang.

"Ketika ini, mungkin mereka menghadapi masalah ... dan tidak mustahil pula pada masa depan kami pula menghadapi masalah serta memerlukan bantuan daripada mereka. Oleh itu, kita perlu bersama-sama berusaha untuk mengatasinya," katanya.

Pengerusi Persatuan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia, Looy Teong Chye, berkata pihaknya turut bersetuju terhadap pandangan Dr Mahathir untuk membangunkan ekonomi negara dengan mengadakan kerjasama antara usahawan Bumiputera dan Cina.

Katanya, sebelum ini kerajaan pernah mewujudkan skim pinjaman untuk menggalakkan kerjasama antara Bumiputera dan bukan Bumiputera.

"Oleh itu, kita mungkin boleh mengkaji semula untuk meningkatkan kerjasama usahawan bukan Bumiputera dan Bumiputera bagi membantu meningkatkan semula ekuiti Bumiputera dalam ekonomi negara.

"Jika lebih banyak IKS diwujudkan semula maka sudah pasti ekonomi negara akan kembali rancak dan pulih dengan segera," katanya.

Sementara itu, aktivis masyarakat, Datuk Lee Lam Thye, berkata Perdana Menteri boleh membuat permintaan kepada masyarakat Cina, bagaimanapun akhirnya terpulang persatuan masyarakat Cina untuk berbincang bagi menilai dan membuat pertimbangan ke atas cadangan berkenaan.

Katanya, sebaik-baiknya jangan ada paksaan dilakukan untuk menjayakan permintaan berkenaan kerana mungkin boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati sesetengah pihak.

Dr Mahathir semalam meminta masyarakat Cina sekali lagi berganding bahu dengan kerajaan untuk membantu menyusun semula perniagaan Bumiputera yang terjejas kerana kegawatan ekonomi, baru-baru ini.

Beliau dilaporkan berkata, permintaan itu bukan dibuat dengan merampas kekayaan bukan Bumiputera untuk diagih kepada Bumiputera, tetapi bertujuan menseimbangkan semula ekuiti antara kaum yang merekah kembali akibat krisis kewangan.

(END)